

BAB 7

REAKSI PENGUNDI DALAM PILIHAN RAYA UMUM TERHADAP PERANAN AKHBAR DI KELANTAN – KES DI KAWASAN PARLIMEN PENGKALAN CHEPA DAN PERINGAT

7.1 Pengenalan

Bab ini memberi perhatian kepada huraian secara diskriptif kepada data kajian lapangan (*survey*) yang dilakukan di dua kawasan Parlimen iaitu Pengkalan Chepa dan Peringat. Data kajian lapangan ini mempunyai perbezaan dan pengkaji akan membuat perbandingan kerana data bagi tahun pilihan raya umum 1995 dipunggut pada akhir bulan Ogos hingga September 1995 dan data pada pilihan raya 1999 dikutip pada Disember 1999 hingga awal Januari 2000. Data ini yang dianalisis menggunakan *SPSS 7.5 for Windows* bagi memastikan pengumpulan data relevan dengan kajian serta mampu memberi penemuan terhadap kesan daripada penyiaran berita mengenai pilihan raya umum 1995 dan 1999 kepada responden di Kelantan.

7.1.1 - Latar Belakang Responden

Dalam kajian ini, responden lelaki lebih ramai berbanding perempuan. Pada kajian lapangan tahun 1995, Parliment Pengkalan Chepa mencatatkan 103 responden lelaki ataupun 68.7 peratus dan 47 ataupun 31.3 peratus responden perempuan. Tahun 1995, Parliment Peringat mencatatkan 97 ataupun 64.7 peratus responden lelaki dan 53 ataupun 35.3 peratus perempuan. Bagaimanapun, dalam tahun 1999, 115 responden atau 76.7 peratus responden lelaki dan 35 ataupun 23.3 peratus responden perempuan di kawasan Parliment Pengkalan Chepa dan kawasan Parliment Peringat, mencatatkan 99 ataupun 66 peratus responden lelaki dan 51 ataupun 34 peratus responden dipilih. Lihat Lampiran 7.1 – Jantina Responden.

Bagaimanapun dari segi bangsa, pengkaji tidak dapat mencari lebih banyak bangsa lain selain Melayu untuk menjadi responden. Ini kerana kebanyakan penduduk di Kelantan adalah orang Melayu. Lebih 98 peratus daripada responden orang Melayu di dua kawasan Parliment ini. Lihat Lampiran 7.2.

Dalam kajian ini, pengkaji mendapat responden memperolehi tahap persekolahan sehingga sekolah menengah, 90 ataupun 60

peratus responden di kawasan Parlimen Pengkalan Chepa pada tahun 1995 dan pada tahun 1999 di kawasan yang sama, didapati seramai 91 ataupun 60.7 peratus responden dalam kategori kelulusan. Lihat Lampiran 7.3.

Bagaimanapun, sebahagian responden mendapat pendidikan tinggi di Institut Pengajian Tinggi (IPT) apabila golongan itu mewakili 39 ataupun 36 peratus daripada bilangan responden dalam tahun 1995 di kawasan Parlimen Peringat. Didapati bahawa sebahagian responden memiliki pendidikan sehingga tingkatan lima dan sebahagian kecil tidak mendapat pendidikan secara formal disebabkan latar belakang keluarga dan umur. Kajian juga mendapati kebanyakan responden berusia 30 hingga 50 tahun. Dalam Lampiran 7.4 menunjukkan fakta berkenaan apabila mendapat umur 41 hingga 55 tahun mencatatkan jumlah tertinggi, iaitu membabitkan 70 ataupun mewakili 46.7 peratus daripada responden kawasan Parlimen Pengkalan Chepa pada tahun 1999. Bagaimanapun, 50 ataupun 33.3 peratus responden dipilih di kawasan Parlimen Peringat pada tahun 1995.

Hampir semua responden beragama Islam jika merujuk kepada Lampiran 7.5 Ini kerana 94.1 peratus rakyat Kelantan adalah Melayu;

4.6 peratus berbangsa Cina; India (0.5 peratus) dan lain-lain (0.8 peratus). Kemungkinan disebabkan faktor berkenaan, Kelantan juga dikenali sebagai Serambi Mekah. Bagaimanapun kajian ini juga membabitkan seorang dan dua orang ataupun 0.7 hingga 1.3 peratus penganut agama lain seperti Buddha dan Kristian.

Kajian juga meliputi mereka yang sudah berkahwin, iaitu dengan 126 responden atau 84 peratus di kawasan Parlimen Pengkalan Chepa sudah berkahwin. Begitu juga di kawasan Parlimen Peringat apabila 111 responden atau 74 peratus dari kawasan Peringat pada kajian 1999 sudah berkahwin. Lihat Lampiran 7.6..

Pendapatan bulanan responden juga dikaji dalam kajian ini dengan responden berpendapatan lebih daripada RM1,000 meliputi 68 responden ataupun 45.3 peratus bagi Parlimen Pengkalan Chepa. Tidak kurang juga responden yang mempunyai pendapatan kurang RM500 apabila 20 responden ataupun 13.3 peratus pada 1995 di kawasan Parlimen Pengkalan Chepa berbanding 50 responden ataupun 33.3 peratus bagi kawasan Parlimen Peringat pada 1999. Lihat Lampiran 7.7.

Selain itu, dalam kajian ini, jenis pekerjaan responden turut diambil kira apabila kebanyakan responden menjawat jawatan di syarikat swasta berbanding di sektor kerajaan apabila 112 responden atau 74.7 peratus dicatatkan di kawasan Parlimen Peringat 1995. Tidak kurang juga responden bekerja sendiri terutama bermiaga di kawasan Parlimen Pengkalan Chepa apabila mencatatkan 70 ataupun 46.7 responden berbanding 69 ataupun 46 peratus di Parlimen Peringat.

Oleh itu, tiada hairanlah mereka cenderung menyokong pembangkang kerana tidak takut dengan ugutan pihak tertentu untuk membuang kerja ataupun membuat pertukaran tertentu. Dalam kajian ini, yang responden bekerja di sektor kerajaan juga sederhana bilangannya apabila 36 ataupun 24 peratus dicatatkan pada 1995 di Parlimen Peringat dan 20 ataupun 13.3 peratus responden pada 1999 di kawasan Parlimen yang sama. Jumlah responden dari kawasan Parlimen Pengkalan Chepa ialah 28 ataupun 18.6 peratus adalah pekerja di sektor kerajaan dan 32 ataupun 21.3 peratus dalam sektor yang sama pada 1999. Lihat Lampiran 7.8.

7.1.2. – Pengetahuan dan Kefahaman Responden Terhadap Akhbar

Data kajian ini juga mengambil kira jumlah akhbar yang dibaca oleh responden. Kajian mendapati 135 ataupun 93.8 peratus membaca satu atau lebih daripada satu suratkhabar dalam sehari di kawasan Parlimen Pengkalan Chepa pada 1995 berbanding 120 ataupun 88.2 peratus responden pada dalam kajian pada tahun 1999.

Lihat Jadual 7.1 di bawah.

Jadual 7.1 – Jumlah Akhbar Yang Dibaca Setiap Hari

Jumlah Akhbar Sehari	1995		1999	
	Pengkalan Chepa Jum (%)	Peringat Jum (%)	Pengkalan Chepa Jum (%)	Peringat Jum (%)
1-2	135 (93.8)	121 (89.6)	120 (88.2)	113(88.3)
3-4	9 (6.3)	12 (8.9)	14 (10.3)	11(8.6)
4-5	—	1 (0.7)	2 (1.5)	3 (2.3)
5-6	—	1 (0.7)	—	1 (0.8)
Jumlah	144 (100)	135 (100)	136 (100)	128 (100)

* Nota : Jumlah Responden Tidak Jawab Soalan
1995 – 6 (Pengkalan Chepa) dan 15 (Peringat)
1999 – 14 (Pengkalan Chepa) dan 22 (Peringat).

Kajian ini mendapati responden lebih banyak membaca akhbar *Berita Harian* dengan mencatatkan 80 responden ataupun 55.6 peratus responden di kawasan Parlimen Pengkalan Chepa berbanding

75 ataupun 54.7 peratus dalam kajian kedua di kawasan yang sama pada tahun berikutnya.

Jadual 7.2 – Jenis Akhbar Yang Dibaca

Jenis Akhbar	1995		1999	
	Pengkalan Chepa Jum (%)	Peringat Jum (%)	Pengkalan Chepa Jum (%)	Peringat Jum (%)
BH	80 (55.6)	76 (55.1)	75 (54.7)	76 (58.9)
UM	33 (22.9)	29 (21)	37 (27)	30 (23.3)
NST	4 (2.8)	9 (6.5)	1 (0.7)	7 (5.4)
The Sun	4 (2.8)	–	3 (2.2)	–
Star	1 (0.7)	1 (0.7)	–	–
Harakah	22 (15.3)	23 (16.7)	21 (15.3)	16 (12.4)
Jumlah	144 (100)	138 (100)	137 (100)	129 (100)

* Nota : Jumlah Responden Tidak Jawab Soalan
 1995 - 6 (Pengkalan Chepa) dan 12 (Peringat)
 1999 - 13(Pengkalan Chepa) dan 21 (Peringat).

Selain itu, akhbar berbahasa Inggeris juga menjadi sumber bacaan alternatif untuk mendapat maklumat politik dan ekonomi mahupun sosial apabila empat responden ataupun 2.8 peratus membaca akhbar *New Straits Times* (NST) pada 1995 berbanding satu responden ataupun 0.7 peratus pada 1999 di kawasan Parlimen yang sama. Tidak ketinggalan akhbar keluaran parti pembangkang seperti *Harakah* mendapat sambutan apabila 23 responden ataupun 16.7 peratus responden membaca akhbar itu di Peringat dalam kajian pada tahun 1995 berbanding 16 ataupun 12.4 peratus di kawasan

yang sama pada 1999. *Utusan Malaysia* juga mendapat sambutan apabila 29 hingga 37 responden ataupun 21 hingga 27 peratus memilih akhbar itu sebagai bahan bacaan mereka. Selain itu, akhbar berbahasa Inggeris lain seperti *The Sun* dan *The Star* agak kurang mendapat sambutan seperti apa yang dialami oleh *NST*. Ini kemungkinan penduduk Kelantan lebih suka dan berminat akhbar berbahasa Melayu. Lihat Jadual 7.2 di atas.

Jadual 7.3 – Kekerapan Membaca Akhbar

Kekerapan	1995		1999	
	Pengkalan Chepa Jum (%)	Peringat Jum(%)	Pengkalan Chepa Jum(%)	Peringat Jum(%)
Setiap Hari	86 (60.1)	86 (64.2)	63 (46.3)	67 (52.)
5-6 Seminggu	19 (13.3)	6 (4.5)	21 (15.4)	14 (11.0)
3-4 Seminggu	18 (12.6)	23(17.2)	28 (20.6)	31 (24.)
1-2 Seminggu	20 (14.0)	16(11.9)	24 (17.6)	15 (11.)
Tidak Membaca	—	3 (2.2)	—	—
Jumlah	143 (100)	131 (100)	136 (100)	127 (100)

* Nota : Jumlah Responden Tidak Jawab Soalan
 1995 - 7 (Pengkalan Chepa) dan 19 (Peringat)
 1999 - 14 (Pengkalan Chepa) dan 23 (Peringat).

Kajian juga menjurus kepada soalan yang berkisar tentang kekerapan responden membaca akhbar. Mereka diberi pilihan dengan memberi jawapan membaca setiap hari, lima hingga enam kali

seminggu, tiga hingga empat kali seminggu, satu hingga dua kali seminggu hingga tidak membaca. Soalan tidak membaca ditanya kerana tabiat penduduk Kelantan yang semula jadi suka mendapat apa-apa sahaja maklumat dengan berborak dan bersempang-sembang di kedai kopi berbanding dengan membaca akhbar dan sumber lain.

Hasil kajian mendapati responden banyak membaca akhbar setiap hari pada pilihan raya 1995 apabila mencatatkan 86 ataupun 60.1 peratus responden membaca akhbar dalam kajian itu pada 1995 berbanding 63 ataupun 46.3 peratus kawasan Parlimen Pengkalan Chepa pada 1999. Ini menunjukkan responden kurang membaca pada 1999 walaupun isu banyak dipaparkan dalam tahun berkenaan. Lihat Jadual 7.3 di atas.

Antara isu berkenaan ialah pemecatan dan kecederaan yang dialami Datuk Seri Anwar Ibrahim, agama membabitkan penubuhan negara Islam, pembangunan dan kes Prof Datuk Dr. Harun Din tidak dapat bertanding walaupun beliau merupakan tokoh yang dikatakan berjaya memikat hati rakyat ketika pilihan raya umum 1999.

Pengkaji juga bertanya akan soalan berkait rapat dengan aktiviti yang dilakukan jika mereka tidak membaca akhbar dan kebanyakannya responden lebih memberi jawapan bekerja apabila 109 ataupun 73.2 peratus pada 1995 bagi kawasan kawasan Parlimen Peringat berbanding 101 ataupun 70.6 peratus pada 1999. Tidak kurang juga yang memberi jawapan berbual jika tidak membaca akhbar apabila mencatatkan jumlah yang tinggi di kawasan Parlimen Peringat, iaitu 26 responden dalam dua kajian ini pada 1995.

Jadual 7.4 – Sumber Lain Daripada Akhbar

Sumber selain akhbar	1995		1999	
	Pengkalan Chepa Jum(%)	Peringat Jum(%)	Pengkalan Chepa Jum(%)	Peringat Jum(%)
Kedai Kopi	17 (11.6)	22 (15.0)	40 (28.0)	30 (20.8)
Madrasah	17 (11.6)	14 (9.5)	10 (7.0)	7 (4.9)
Kedai Runcit	2 (1.4)	1 (0.7)	2 (1.4)	1 (0.7)
Ceramah	63 (42.9)	59 (40.1)	19 (16.1)	44 (30.6)
Pemimpin Setempat	20 (13.6)	3 (2.0)	23 (16.1)	5 (3.5)
Rakan	23 (15.6)	25 (17)	40 (28)	27 (18.8)
Lain-lain	4 (2.7)	23 (15.6)	9 (6.3)	30 (20.8)
Wakaf	1 (0.7)	–	–	–
Jumlah	147 (100)	147(100)	143 (100)	144 (100)

* Nota : Jumlah Responden Tidak Jawab Soalan
 1995 - 3 (Pengkalan Chepa) dan 3 (Peringat)
 1999 - 7 (Pengkalan Chepa) dan 6 (Peringat).

Oleh sebab akhbar dilihat memainkan peranan penting, pengkaji juga ingin mendapat maklumat tambahan tentang sumber lain selain akhbar yang diambil oleh responden. Responden memberi jawapan mereka mendapat sumber mengenai politik daripada ceramah pemimpin setempat dan kedai kopi.

Kaedah itu begitu digemari di kalangan responden apabila jawapan lebih banyak menjurus kepada tiga sumber berkenaan. Pada 1995 bagi kawasan Parlimen Pengkalan Chepa, 63 ataupun 42.9 peratus responden mendapat maklumat daripada ceramah berbanding 19 ataupun 16.1 peratus responden di kawasan Parlimen yang sama pada 1999. Begitu juga di kawasan Parlimen Peringat apabila 59 ataupun 40.1 peratus responden pada 1995 berbanding 44 atau 30.6 peratus di kawasan Parlimen yang sama mendapat maklumat daripada ceramah. Ini menunjukkan pada 1995 responden lebih memilih kaedah ceramah berbanding kaedah lain, selain mendapat maklumat daripada kedai kopi. Responden mendapat lebih banyak maklumat daripada kedai kopi pada 1999 berbanding 1995 di

dalam dua kawasan Parlimen berkenaan. Faktor itu jelas apabila 40 ataupun 28 peratus responden bagi kawasan Pengkalan Chepa pada 1999 berbanding 17 ataupun 11.6 peratus responden pada 1995. Lihat Jadual 7.4 di atas.

Fakta di atas menunjukkan kaedah ceramah masih mendapat tempat di kalangan pengundi di Kelantan walaupun akhbar masih menjadi bahan rujukan apabila kaedah ceramah mendapat jumlah tertinggi iaitu 63 ataupun 42.9 peratus pada tahun 1995 di Pengkalan Chepa dan kawasan Peringat 59 ataupun 40.1 peratus pada tahun yang sama. Ini membuktikan media massa tidak berperanan secara menyeluruh dan gagal seperti yang dikemuka dalam persoalan kajian kedua kerana pengundi di Kelantan lebih banyak mendapat sumber lain untuk membuat perbandingan sebelum membuang undi.

Semua ini menunjukkan isu sepanjang dan menjelang pilihanraya 1999 banyak dibincangkan di kedai kopitiam berbanding 1995. ini kerana pada 1999 pelbagai isu hangat dibincangkan oleh media termasuk pemecatan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Jadual 7.5 – Televisyen dan Radio Menjadi Sumber Maklumat Selain Akhbar

Menonton Televisyen	1995		1999	
	Pengkalan Chepa Jum(%)	Peringat Jum(%)	Pengkalan Chepa Jum(%)	Peringat Jum(%)
Ya	139 (94.6)	144 (96)	131 (88.5)	142 (96.6)
Tidak	8 (5.4)	5 (3.4)	17 (11.5)	5 (3.4)
Jumlah	147 (100)	149 (100)	148 (100)	147(100)

* Nota : Jumlah Responden Tidak Jawab Soalan
1995 - 3 (Pengkalan Chepa) dan 1 (Peringat)
1999 - 2 (Pengkalan Chepa) dan 3 (Peringat).

Mengikut kajian, televisyen dan radio juga sumber maklumat responden apabila pada 1995, 144 ataupun 96 peratus responden memberi jawapan "ya" bahawa mereka mendapat maklumat menerusi media elektronik seperti televisyen dan radio. Ini menunjukkan responden peka dengan maklumat sebelum membuat keputusan ketika mengundi dalam pilihan raya pada 1995 dan 1999. Selain akhbar dan televisyen dan radio, maklumat juga diperolehi dari sumber lain seperti perbualan di kedai kopi, madrasah, kedai runcit, ceramah, pemimpin setempat, rakan dan lain-lain. Lihat Jadual 7.5 di atas.

Kebanyakan responden dalam dua kajian mendapati mereka membaca akhbar arus perdana yang disokong oleh parti pemerintah. Oleh yang demikian, pengkaji juga terbabit dalam mengemukakan

soalan yang menjurus kepada sama ada responden membaca akhbar yang dikeluarkan oleh pembangkang seperti *Harakah*. Lihat Jadual 7.6 di bawah ini.


Jadual 7.6 – Responden Membaca Akhbar Pembangkang

Akhbar Pembangkang (<i>Harakah</i>)	1995		1999	
	Pengkalan Chepa Jum (%)	Peringat Jum(%)	Pengkalan Chepa Jum(%)	Peringat Jum(%)
Ya	106 (72.1)	90 (60.8)	24 (18.2)	93 (64.0)
Tidak	41 (27.3)	58 (39.2)	108 (81.8)	52 (35.1)
Jumlah	147 (100)	148(100)	132 (100)	145(100)

* Nota : Jumlah Responden Tidak Jawab Soalan
1995 - 3 (Pengkalan Chepa) dan 2 (Peringat)
1999 - 18 (Pengkalan Chepa) dan 5 (Peringat).

Kajian di kawasan Parlimen Pengkalan Chepa 1995 mendapati 106 ataupun 72.1 peratus membaca *Harakah* berbanding 24 ataupun 18. 2 peratus pada 1999 dalam kawasan Parlimen yang sama. Rujuk Carta 7.1 di bawah ini untuk melihat sejauh mana minat responden di Kelantan membaca *Harakah*.

RESPONDEN MEMBACA HARAKAH



Carta 7.1 – Responden Membaca Harakah

sebelum diharamkan oleh kerajaan untuk dijual secara terbuka kepada orang ramai. Tindakan itu diambil bagi memastikan akhbar itu tidak menyalurkan fitnah dan tohmahan kepada BN.

Bagaimanapun, perbezaan ketara apabila 108 ataupun 81.8 peratus responden di Parlimen Pengkalan Chepa tidak membaca *Harakah* pada 1999 berbanding yang dicatatkan pada 1995, iaitu 41 ataupun 27.3 peratus responden. Tetapi kawasan Parlimen Peringat tidak berlaku perbezaan yang banyak. Kebanyakan responden sama ada penyokong ataupun pembangkang kerajaan menjadikan media massa sumber rujukan mengenai pelbagai isu pilihan raya. Bagaimanapun responden juga memperolehi maklumat daripada televisyen, bertukar-tukar pendapat di kedai kopi dan madrasah, iaitu satu-satunya institusi agama yang sering dijadikan tempat perbincangan dan bermuzakarah secara 'kecil-kecilan' sesama sendiri.¹ Mereka sering menggunakan masa yang terluang antara solat Maghrib dan Isyak bagi membincangkan sesuatu.² Tidak kurang juga mereka mendapat maklumat daripada kedai kopi kerana masyarakat Kelantan sering kali membincang isu di kedai kopi bagi mendapatkan maklumat dan maklum balas segera. Ini dapat dilihat apabila perbincangan akan diadakan oleh penduduk kampung tanpa mengira fahaman politik.

Bagaimanapun, pengkaji turut melihat sejauh mana responden setuju bahawa akhbar memainkan peranan penting oleh sesebuah

¹ Temubual dengan Razak Abdul Ghani.

parti untuk memenangi banyak kerusi dalam pilihan raya sama ada BN, PAS, DAP, UMNO mahupun KEADILAN dan PRM untuk membolehkan sesebuah parti itu mendapat sokongan 2/3 dalam Parlimen untuk memerintah sesebuah negara. Soalan ini juga dikemukakan kerana kajian ini membabitkan kajian analisis kandungan akhbar *Berita Harian* dan *Utusan Malaysia* yang sering kali digunakan oleh parti pemerintah bagi menyalurkan maklumat sebelum pengundian. Kebanyakan jawapan diterima menunjukkan peranan akhbar begitu penting untuk menyalurkan maklumat kepada pengundi ataupun responden.

Jawapan "setuju", "tidak setuju" dan "tidak pasti" bagi kenyataan akhbar memainkan peranan penting untuk membolehkan sesebuah parti memenangi pilihan raya dikemukakan bagi mendapat maklum balas.

² Temubual dengan Mohamed Nasir Che Daud.

Jadual 7.7 - Sejauhmana Responden Setuju Akhbar Berperanan Untuk Sesebuah Parti Memenangi Pilihan Raya Umum.

PENDAPAT	1995		1999	
	Pengkalan Chepa Jum(%)	Peringat Jum(%)	Pengkalan Chepa Jum(%)	Peringat Jum(%)
Setuju	107 (72.8)	107 (71.8)	90 (62.5)	104 (72.2)
Tidak Setuju	17 (11.6)	27 (18.1)	20 (13.9)	17 (11.8)
Tidak Pasti	23 (15.6)	15 (10.1)	34 (23.6)	23 (16.0)
Jumlah	147 (100)	149 (100)	144 (100)	144 (100)

*Nota: Jumlah Responden Tidak Jawab Soalan
 1995 - 3 (Pengkalan Chepa) dan 1 (Peringat)
 1999 - 6 (Pengkalan Chepa) dan 6 (Peringat).

Berdasarkan jawapan responden, mereka bersetuju bahawa akhbar memainkan peranan penting dalam menawan hati rakyat ataupun membantu sesebuah parti memenangi dalam pilihan raya. Dalam tahun 1995, kajian mendapati 107 atau 72.8 peratus responden bagi Parlimen Pengkalan Chepa mengatakan setuju dengan peranan akhbar dan jumlah yang sama dapat dilihat dalam kawasan Parlimen Peringat. Begitu juga pada 1999, jumlah responden bersetuju dengan pandangan itu ialah 104 atau 72.2 peratus responden bagi kawasan Parlimen Peringat dan 90 atau 62.5 peratus responden bagi Parlimen Pengkalan Chepa. Jumlah responden tidak setuju agak berkurangan dalam dua kajian ini apabila hanya 20 atau 13.9 peratus responden

bagi Pengkalan Chepa pada 1995 dan 17 atau 11.8 peratus responden bagi Peringat pada 1999. Kajian juga mendapati mereka yang kabur dengan peranan akhbar juga jelas menunjukkan jumlah yang ketara apabila kawasan Parlimen Pengkalan Chepa bagi tahun 1995 dan 1999 menunjukkan jumlah yang sama iaitu 34 atau 23.6 peratus.

Oleh itu, untuk melihat lebih jelas peranan akhbar pengkaji turut mengemukakan soalan adakah akhbar banyak melaporkan berita yang menyebelahi parti pemerintah menjelang pilihan raya. Ternyata soalan ini mendapat maklum balas yang baik daripada responden. Soalan dikemukakan dengan menyediakan tiga jawapan sama ada responden memberi jawapan "setuju", "tidak setuju" dan "tidak pasti".

Jadual 7.8 - Pandangan Sama ada Akhbar Melaporkan Berita Berat Sebelah

PENDAPAT	1995		1999	
	Pengkalan Chepa Jum (%)	Peringat Jum(%)	Pengkalan Chepa Jum(%)	Peringat Jum (%)
Setuju	107 (72.8)	100 (66.7)	90 (62.5)	92 (63.0)
Tidak Setuju	17 (11.6)	26 (17.3)	20 (13.9)	23 (15.8)
Tidak Pasti	23 (15.6)	24 (16.0)	34 (23.6)	31 (21.2)
Jumlah	147 (100)	150 (100)	144 (100)	146 (100)

Nota : Jumlah Responden Tidak Jawab Soalan

1995 - 3 (Pengkalan Chepa)

1999 - 6 (Pengkalan Chepa) dan 4 (Peringat).

Mengikut statistik Jadual 7.8, di atas 107 atau 72.8 peratus responden bersetuju pada 1995 di kawasan Parlimen Pengkalan Chepa berbanding kajian kedua hanya 90 ataupun 62.5 peratus responden bagi kawasan itu pada 1999 bahawa liputan berita berat sebelah. Begitu juga pada Parlimen Peringat, 100 atau 66.7 peratus responden setuju berbanding 92 ataupun 63 peratus responden di kawasan Parlimen Peringat pada tahun itu dalam isu yang sama.

Responden di kawasan Parlimen Pengkalan Chepa mencatatkan jumlah paling kecil yang menyatakan tidak setuju apabila dinyatakan soalan bahawa adakah akhbar melaporkan berita berat sebelah apabila 17 ataupun 11.6 responden peratus dicatatkan berbanding kajian kedua di kawasan yang sama iaitu 20 ataupun 13.9 peratus responden pada 1999. Perbezaan tidak banyak dalam kajian ini di Parlimen Peringat apabila 26 ataupun 17.3 peratus responden pada 1995 berbanding 23 ataupun 15.8 peratus responden dalam tahun 1999.

Selain itu, bagi jawapan tidak pasti, perbezaan juga tidak ketara apabila 23 ataupun 15.6 peratus responden dicatatkan pada 1995 di Parlimen Pengkalan Chepa berbanding 34 ataupun 23.6

peratus daripada responden pada 1999. Bagi kawasan Parlimen Peringat, 24 ataupun 16 peratus daripada responden menyatakan jawapan tidak pasti sama ada akhbar berat sebelah ataupun tidak berbanding 31 ataupun 21.2 peratus daripada responden pada 1999 bagi kawasan Parlimen Peringat.

Fakta penemuan dalam Jadual 7.8 menunjukkan rakyat Kelantan menerima bahawa laporan akhbar *Berita Harian* dan *Utusan Malaysia* adalah berat sebelah atau membuat liputan tidak seimbang (*imbalanced*) yang dinyatakan dalam persoalan kajian pertama walaupun pada masa yang sama mengatakan akhbar memainkan peranan penting dalam menyalurkan maklumat kepada orang ramai. Mereka mengakui peranan media massa tetapi orang ramai mempunyai kebebasan memilih dan membuat pilihan menyebabkan peranan media massa itu diketepikan di Kelantan walaupun pada hakikatnya liputan berita berat sebelah. Keadaan di bantu dengan *Theory Spiral of Silence* yang mengatakan pengundi senyap mempunyai kemampuan memilih sesuatu mengikut kehendak mereka sendiri jika mereka mahukan perubahan. Ini berlaku di Kelantan kerana mereka mendapat maklumat daripada media massa tetapi pada masa yang sama menolak anggapan maklumat itu berjaya mempengaruhi mereka ketika membuang undi.

Oleh kerana responden percaya berlakunya liputan berat sebelah pengkaji ingin mendapat keterangan lanjut dengan mengemukakan soalan akhbar manakah yang membuat liputan berat sebelah. Bagi menerangkan sejelas-jelasnya persoalan ini, pengkaji turut mendapatkan maklumat daripada responden akhbar manakah yang menyebelahi parti pemerintah menjelang pilihan raya. Soalan ini dikemukakan kerana Dr John Hilley menyatakan *media institutions represent a vital part of the Umno network, helping to filter information, entertainment and civil values.*³

Jadual 7.9 – Apa Jenis Akhbar Yang Melaporkan Berita Menyebelahi Parti Pemerintah

JENIS AKHBAR	1995		1999	
	Pengkalan Chepa Jum (%)	Peringat Jum(%)	Pengkalan Chepa Jum(%)	Peringat Jum(%)
Berita Harian	4 (3.9)	7 (6.3)	10 (9.1)	4 (3.9)
Utusan Malaysia	4 (3.9)	2 (1.8)	13 (11.8)	4 (3.9)
Berita Harian + Utusan Malaysia	95 (92.2)	102 (91.9)	87 (79.1)	95 (92.2)
Jumlah	103 (100)	111 (100)	110 (100)	103 (100)

Nota : Soalan ini dijawab oleh responden yang memberi jawapan "ya" di atas.

³ John Hilley, *Malaysia: Mahathirism, Hegemony and The New Opposition*, Zed Book, London, 2002, hlm 12.

Ternyata jawapan responden, ia lebih menjurus kepada jawapan kedua akhbar *Berita Harian* dan *Utusan Malaysia* memainkan peranan melaporkan berita yang menyebelahi parti pemerintah. Ini jelas apabila bagi kawasan Parlimen Peringat 102 ataupun 91.9 peratus daripada responden menyatakan demikian pada 1995 berbanding 95 ataupun 92.2 peratus pada 1999. Fakta ini sekali lagi mengukuhkan jawapan kepada persoalan kajian pertama bahawa *Berita Harian* dan *Utusan Malaysia* membuat liputan tidak seimbang serta berpihak kepada kerajaan dan parti komponen BN dalam menghadapi pilihan raya umum 1995 dan 1999 seperti yang dinyatakan dalam Bab 1.

Bagaimanapun pada 1995 dan 1999 kajian di Parlimen Pengkalan Chepa mendapati jumlahnya hampir sama apabila 95 ataupun 92.2 peratus responden bagi 1995 berbanding 87 ataupun 79.1 peratus responden pada 1999. Keseluruhannya, kecenderungan responden memilih hanya satu akhbar sahaja yang melaporkan berita berat sebelah agak kurang ketara apabila kawasan Parlimen Pengkalan Chepa menunjukkan *Utusan Malaysia* pada 1999 mencatatkan 13 atau 11.8 peratus responden dan *Berita Harian*

mendapat 10 ataupun 9.1 peratus responden pada 1999 di kawasan Parlimen yang sama.

Selain itu, kajian ini juga memaparkan isu sama ada responden menyatakan akhbar arus perdana adalah akhbar propaganda kerajaan memerintah sebagai pelengkap kepada kajian ini tetapi bukan sebagai fakta penting dalam kajian ini. Jawapan setuju, tidak setuju" dan "tidak pasti" diberikan bagi membolehkan responden memberi jawapan dalam usaha mengesan tahap kepercayaan dan pengetahuan responden mengenai kebebasan akhbar dalam sesebuah negara yang mengamalkan prinsip demokrasi.

Jadual 7.10 – Pandangan Mengenai Akhbar Adalah Propaganda Kerajaan Memerintah

PENDAPAT	1995		1999	
	Pengkalan Chepa Jum (%)	Peringat Jum (%)	Pengkalan Chepa Jum (%)	Peringat Jum (%)
Setuju	110 (74.8)	95 (63.3)	89 (61.0)	89 (60.5)
Tidak Setuju	18 (12.2)	20 (13.3)	19 (13.0)	22 (15.0)
Tidak Pasti	19 (12.9)	35 (23.3)	38(26.0)	36 (24.5)
Jumlah	147 (100)	150 (100)	146 (100)	147 (100)

Nota : Jumlah Responden Tidak Jawab Soalan
1995 - 3 (Pengkalan Chepa)
1999 - 4 (Pengkalan Chepa) dan 3 (Peringat).

Dalam hal ini, kebanyakan responden memberi jawapan mereka setuju akhbar arus perdana sebagai alat propaganda kerajaan yang memerintah pada waktu itu. Sebagai buktinya 110 ataupun 74.8 peratus responden dari kawasan Parlimen Pengkalan Chepa pada 1995 menyatakan mereka setuju dengan pandangan itu dan diikuti kajian kedua di kawasan yang sama, 89 ataupun 61 peratus responden menyatakan perkara yang sama pada 1999. Selain itu angka yang agak besar jelas dalam kajian ini di Parlimen Peringat apabila 95 ataupun 63.3 peratus responden memberi jawapan yang sama pada 1995 berbanding 89 ataupun 60.5 peratus responden pada 1999. Jumlah responden tidak setuju agak kecil apabila 18 ataupun 12.2 peratus di kawasan Parlimen Pengkalan Chepa menyatakan mereka tidak setuju berbanding 19 ataupun 13 peratus responden pada 1999 di kawasan Parlimen yang sama.

Bagi kawasan Parlimen Peringat, 20 ataupun 13.3 peratus responden menyatakan tidak setuju dengan pandangan itu berbanding 22 ataupun 15 peratus responden di kawasan parlimen yang sama pada 1999. Jumlah responden yang memberi jawapan tidak pasti agak kecil apabila 19 ataupun 12.9 peratus responden dicatatkan pada 1995 berbanding 38 ataupun 26 peratus iaitu jumlah yang agak besar pada 1999 di kawasan Parlimen Pengkalan Chepa.

Bagaimanapun bagi 1995 dan 1999 di kawasan Parlimen Peringat menunjukkan jumlah responden agak sama apabila 35 ataupun 23.3 peratus pada 1995 berbanding 36 ataupun 24.5 peratus responden pada 1999 dalam kawasan Parlimen Peringat.

Apabila responden menyatakan akhbar adalah propaganda kerajaan, pengkaji turut mengemukakan soalan akhbar manakah yang suka berbuat demikian seperti yang dikaji dalam kajian terdahulu, tetapi kali ini mempunyai kelainan apabila akhbar *Harakah* turut dimuatkan dalam soalan ini berbanding akhbar *Berita Harian* dan *Utusan Malaysia* sahaja sebelum ini.

Rasional soalan itu ditanya kerana akhbar *Harakah* terbitan PAS juga dianggap sebagai akhbar yang menyebarkan propaganda untuk kepentingan parti pembangkang. Seperti biasa responden menyatakan kedua-dua akhbar *Berita Harian* dan *Utusan Malaysia* memainkan peranan sebagai akhbar propaganda apabila 103 ataupun 82.4 peratus daripada responden di kawasan Parlimen Pengkalan Chepa menyatakan demikian pada 1995 berbanding 83 ataupun 80.6 peratus responden pada 1999.

Jadual 7.11 – Jenis Akhbar Menjadi Propaganda

PENDAPAT	1995		1999	
	Pengkalan Chepa Jum (%)	Peringat Jum (%)	Pengkalan Chepa Jum (%)	Peringat Jum (%)
Berita Harian	7 (5.6)	9 (8.6)	9 (8.7)	4 (4.3)
Utusan Malaysia	3 (2.4)	45 (30)	2 (1.9)	2 (2.2)
Berita Harian + Utusan Malaysia	103 (82.4)	90 (85.7)	83 (80.6)	82 (89.1)
Harakah	12 (9.6)	6 (5.7)	9 (8.7)	4 (4.3)
Jumlah	125 (100)	150 (100)	103 (100)	92 (100)


Nota : Soalan ini dijawab oleh responden yang memberi jawapan "Setuju" bagi soalan di atas.

Selain itu perbezaan tidak banyak berlaku pada 1995 dan 1999 di kawasan Parlimen Peringat apabila 90 ataupun 85.7 peratus pada 1995 berbanding 82 ataupun 89.1 peratus pada 1999 di kawasan Parlimen yang sama.

Akhbar *Harakah* juga tidak ketinggalan sebagai akhbar propaganda apabila 12 ataupun 9.6 peratus daripada responden bagi kawasan Parlimen Pengkalan Chepa dan 9 ataupun 8.7 peratus pada 1999 di kawasan yang sama pada 1999. Jumlah itu berkurangan pada 1999 apabila 4 ataupun 4.3 peratus di kawasan Parlimen Peringat berbanding 6 ataupun 5.7 peratus pada 1995.

Bagaimanapun, terdapat sedikit kelainan pada 1995 di kawasan Parlimen Peringat apabila 45 ataupun 30 peratus daripada responden berpendapat *Utusan Malaysia* adalah akhbar propaganda berbanding 2 ataupun 2.2 peratus responden pada tahun yang sama di kawasan Parlimen Peringat.

Perbezaan lebih jelas tentang klasifikasi akhbar yang didakwa responden menjadi propaganda dapat dilihat daripada Carta 7.2 di bawah ini;



Carta 7.2 – Jenis Akhbar Menjadi Propaganda

Selain itu, pengkaji mendapat responden tidak cenderung menjawab, salah satu akhbar *Berita Harian* ataupun *Utusan Malaysia* yang menjadi akhbar bercorak propaganda tetapi mereka lebih cenderung memilih kedua-dua akhbar *Berita Harian* dan *Utusan Malaysia* sebagai akhbar berpropaganda walaupun kajian ini tidak memfokuskan kepada aspek propaganda. Dengan itu, responden

memilih salah satu akhbar itu dan hanya mencatatkan jumlah yang kecil sahaja apabila 2 hingga 9 responden sahaja ataupun 1.9 peratus hingga 8.6 peratus.

Selain itu, kajian juga melihat sejauhmanakah responden mendapati liputan berita yang dilakukan sama ada "adil" dan "tidak adil" dari kaca mata mereka yang sering kali membeli dan membaca akhbar untuk mendapat maklumat tentang politik dan pilihan raya.

Jadual 7.12 - Adakah Akhbar Memberi Liputan Adil

PENDAPAT	1995		1999	
	Pengkalan Chepa Jum (%)	Peringat Jum (%)	Pengkalan Chepa Jum (%)	Peringat Jum (%)
Adil	26 (17.6)	29 (19.5)	16 (10.9)	25 (17.1)
Tidak Adil	70 (47.3)	41 (27.5)	77 (52.4)	56 (38.4)
Tidak Pasti	52 (35.1)	79 (53.0)	54 (36.7)	65 (44.5)
Jumlah	148 (100)	149 (100)	147 (100)	146 (100)

Nota : Jumlah Responden Tidak Jawab Soalan
1995 - 2 (Pengkalan Chepa) dan 1 (Peringat)
1999 - 3 (Pengkalan Chepa) dan 4 (Peringat).

Kemungkinan besar soalan ini mempunyai persamaan dengan soalan laporan berita berat sebelah yang dikemukakan sebelum ini tetapi pengkaji merasakan perlunya soalan ini dikemukakan untuk

mendapatkan kepastian sebenar bagi melihat apakah mampu atau tidak mampu serta unsur kepincangan akhbar *Berita Harian* dan *Utusan Malaysia* dalam membuat liputan. Dengan itu, soalan adil atau tidak adil dalam membuat hebahan ini menjadi tumpuan dalam kajian ini. Ini kerana sebelum ini, kedua-dua akhbar ini sudah membuat liputan tidak seimbang.

Oleh itu, Jadual 7.12 di atas menunjukkan dalam tahun 1999 bagi kawasan Parlimen Peringat, 56 ataupun 38.4 peratus responden mengatakan "tidak adil" dan 41 ataupun 27.5 peratus pada 1995 bagi parlimen yang sama, tetapi Parlimen Pengkalan Chepa mencatatkan jumlah tidak adil pada 1995 ialah 70 ataupun 47.3 peratus mengatakan "tidak adil" dan 77 ataupun 52.4 peratus pada 1999 menyatakan bahawa liputan berita tidak adil.

Berdasarkan jadual, jumlah responden mengatakan liputan adil agak kecil apabila mencatatkan 26 ataupun 17.6 peratus di Pengkalan Chepa berbanding 70 ataupun 47.3 peratus pada tahun 1995. Contoh jumlah itu membuktikan soal ketidakmampuan dan kepincangan kedua-dua akhbar ini dalam menjalankan tugas mereka, terutama dalam usaha melakukan perubahan minda terhadap rakyat Kelantan ketika pilihan raya kerana akhbar sudah bertindak tidak adil

dalam menyalurkan maklumat sebagai jawapan kepada persoalan kajian ketiga dalam kajian ini.

Melihat kepada semua jawapan di atas, responden mempunyai pengetahuan luas apabila membaca akhbar, tetapi mempunyai pelbagai pandangan tentang akhbar sehingga kajian juga menunjukkan mereka mendapat maklumat tentang politik menerusi dua kaedah yang paling popular, iaitu media massa dan ceramah. Ini dapat dibuktikan dalam kajian ini apabila 94 ataupun 63.9 peratus responden di kawasan Parlimen Pengkalan Chepa pada 1999 menjawab mereka mendapat maklumat tentang politik menerusi media massa.

Kawasan Parlimen Peringat pada 1999 juga menunjukkan angka yang besar apabila 62 ataupun 41.6 peratus responden bersepakat bahawa mereka mendapat maklumat politik menerusi media massa. Faktor itu dipengaruhi oleh kes pemecatan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada jawatan itu serta Timbalan Presiden UMNO selepas dituduh terbabit dalam penyalahgunaan kuasa dan meliwat.

Pada masa itu, khususnya pada pilihan raya 1999 kebanyakan responden menjadikan media sebagai rujukan mereka kerana isu itu sangat diperbincangkan dalam semua media tempatan dan antara bangsa.

Mereka membuat rujukan tetapi menyatakan isi kandungan media massa itu tidak mempengaruhi mereka ketika membuang undi. Bukan sahaja minda mereka tidak dipengaruhi, malahan mereka tidak akan percaya akan apa yang dipaparkan oleh akhbar *Berita Harian* dan *Utusan Malaysia*. Ketika itu kedua-dua akhbar banyak menyiarkan berita yang positif dan menyembunyikan berita yang negatif tentang kerajaan BN yang memerintah pada masa ini.

Jadual 7.13 – Tahap Pengaruh Isu Pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim Dalam Aspek Pengundian.


PENDAPAT	1999	
	Pengkalan Chepa Jum (%)	Peringat Jum (%)
Ya	82 (61.2)	82 (58.2)
Tidak	52 (38.8)	59 (41.8)
Jumlah	134 (100)	141 (100)

Nota : Jumlah Responden Tidak Jawab Soalan 1999 - 16 (Pengkalan Chepa) dan 9 (Peringat).

Begitu juga dengan isu pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada kerajaan juga tidak mempengaruhi mereka menyokong kerajaan BN di bawah pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Lihat Jadual 7.24 di atas.

Isu itu dijadikan salah satu elemen untuk menentang kerajaan BN yang dianggap zalim dan kejam. Isu itu menjadi titik tolak kepada penubuhan KEADILAN di bawah pimpinan Datin Seri Azizah yang juga isteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

PAS juga turut menggunakan isu itu menjelang pilihan raya untuk meraih undi kerana tidak pernah berlaku lagi dalam sejarah pemerintahan di negara ini Timbalan Perdana Menteri dipecat dengan kaedah menggunakan saluran mahkamah untuk menjatuhkan hukuman ke atas kesalahan Datuk Seri Anwar. Lihat Carta 7.3 di bawah ini.



Carta 7.3 – Pengaruh Isu Pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim Dalam Aspek Pengundian.

Semua ini dapat dibuktikan apabila kajian menunjukkan 82 responden bersetuju kes Datuk Seri Anwar mempengaruhi mereka membuang undi ketika pilihan raya umum. Terdapat juga 52 responden yang mengatakan "tidak" di kawasan Parlimen Peringat.

Pada tahun yang sama, angka yang hampir serupa dapat dilihat dalam temubual di kawasan Parliment Pengkalan Chepa apabila 82 menyatakan liputan berita mempengaruhi daripada 59 responden memberi jawapan sebaliknya.

Bagaimanapun, kajian ini hanya dikemukakan dalam kertas soal selidik pada kajian 1999 kerana ketika itu isu pemecatan hangat diperbincangkan dalam media massa sehingga menyebabkan hampir setiap hari berita itu menjadi berita utama akhbar tempatan.

7.1.3 - Kefahaman dan Pengetahuan Politik

Tahap kefahaman politik juga dikaji dalam kajian ini. Responden dikemukakan soalan-soalan bagi mengetahui tahap pemahaman mereka tentang politik. Ini kerana kajian ini meneliti tiga aspek utama media, iaitu akhbar, politik dan pilihan raya. Tiga aspek ini penting kerana ia saling berkait antara satu sama lain.

Jadual 7.14 – Tahap Kefahaman Politik.

Tahap Kefahaman	1995		1999	
	Pengkalan Chepa Jum(%)	Peringat Jum(%)	Pengkalan Chepa Jum(%)	Peringat Jum(%)
Terlalu Faham	22 (14.7)	16 (10.7)	11 (7.3)	11 (7.3)
Faham	92 (61.3)	95 (63.3)	78 (52)	91 (60.7)
Kurang Faham	36 (24)	39 (26)	60 (40)	47 (31.3)
Jumlah	150 (100)	150 (100)	149 (100)	149 (100)


Nota : Jumlah Responden Tidak Jawab Soalan 1999 - 1 (Pengkalan Chepa) dan 1 (Peringat).

Daripada Jadual 7.14 di atas didapati orang Kelantan memahami apa itu politik apabila statistik bagi tahun 1995 dan 1999 di Pengkalan Chepa dan Peringat menunjukkan purata 89 daripada 150 responden yang dikemukakan soalan itu memberi jawapan mereka faham tentang politik. Mereka menyatakan faham tentang politik apabila pengkaji menemui mereka secara bersemuka di kawasan Parlimen Pengkalan Chepa dan Peringat bagi tahun 1995 dan 1999. Paling ketara apabila 95 ataupun 63.3 peratus daripada 150 responden bagi kawasan Pengkalan Chepa memberi jawapan

mereka faham akan politik. Responden yang menjawab "terlalu faham" tentang politik jumlahnya adalah 22 ataupun 14.7 peratus responden bagi soal selidik pada 1995 bagi Parlimen Pengkalan Chepa dan kawasan lain agak sama jumlahnya.

Kajian juga mendapati responden yang tidak faham mengenai politik juga mencatatkan jumlah yang tinggi apabila 60 ataupun 40 peratus responden bagi kawasan Parlimen Pengkalan Chepa tahun 1999. Ini kemungkinan kerana responden yang ditemui kebanyakannya penduduk kampung di kawasan pesisir pantai, terutama nelayan yang hanya menjadi pengikut politik tanpa memahami istilah politik itu sendiri. Oleh sebab mereka dianggap faham tentang politik pengkaji ingin melihat sejauh mana responden memahami politik dari segi makna dan maksud perkataan politik itu.

Berdasarkan soal selidik, fahaman mereka tentang politik lebih kepada makna kekuasaan daripada negara diikuti pembahagian kuasa, kebijaksanaan umum dan pembuat keputusan. Kita boleh melihat sejauh mana kefahaman mereka tentang makna politik menerusi Carta 7.4 di bawah ini.



Carta 7.4 – Pemahaman Responden Tentang Makna Politik

Statistik menunjukkan 86 ataupun 68.3 peratus responden menjawab politik itu adalah kekuasaan berbanding 17 ataupun 13.5 peratus bagi (kebijaksanaan umum), 13 ataupun 10.3 peratus (pembuat keputusan) dan 9 ataupun 7.1 peratus (negara) dan satu ataupun 0.8 responden bagi pembahagian kuasa dalam kajian di kawasan Peringat 1999. Bagaimanapun, jumlah itu bertambah pada

tahun 1999 di Parlimen Pengkalan Chepa apabila 93 daripada 150 responden menjawab politik itu bermakna kekuasaan.

Berdasarkan jawapan itu, rakyat Kelantan faham bahawa politik itu adalah kuasa sehingga sebuah parti itu boleh memerintah negara mahupun negeri. Kebanyakan mereka memberi maklum balas bahawa tanpa kuasa banyak perkara tidak boleh dilakukan. Sebagai contoh Undang-undang Hudud tidak dapat dilaksanakan di Kelantan kerana perlunya pindaan undang-undang negara di peringkat Pusat sebelum menyelaras di peringkat negeri Kelantan.

Jawapan mereka membawa maksud, mereka faham makna politik secara tidak langsung dan berminat dalam politik, pengkaji juga mengemukakan soalan sama ada mereka terbabit aktif dalam pergerakan politik sehingga membolehkan mereka memahami erti sebenar perjuangan dalam politik selepas merdeka.

Jadual 7.15 – Kefahaman Responden Tentang Makna Politik.

Kefahaman Responden	1995		1999	
	Pengkalan Chepa Jum (%)	Peringat Jum (%)	Pengkalan Chepa Jum (%)	Peringat Jum (%)
Kekuasaan	113 (78.5)	82 (63.1)	93 (71.5)	86 (68.3)
Negara	2 (1.4)	12 (9.2)	9 (6.9)	9 (7.1)
Pembahagian	4 (2.8)	4 (3.1)	5 (3.8)	1 (0.8)
Kebijaksaan Umum	16 (10.7)	22 (16.9)	16 (12.3)	17 (13.8)
Pembuat Keputusan	9 (6.3)	10 (7.7)	7 (5.4)	13 (10.3)
Jumlah	144 (100)	130 (100)	130 (100)	126 (100)

Nota : Jumlah Responden Tidak Jawab Soalan 1995 – 6 (Pengkalan Chepa) dan 20 (Peringat) 1999 - 20 (Pengkalan Chepa) dan 24 (Peringat).

Kajian ini turut mengupas pembabitan tahap penyertaan responden dalam arena politik. Soalan ini diutarakan kerana pengkaji ingin melihat kesungguhan responden dalam memperjuangkan parti politik mereka. Ternyata peratusan mereka yang aktif hanya mencapai 32 ataupun 21.5 peratus responden pada 1995 di kawasan Parlimen Pengkalan Chepa berbanding kajian kedua yang juga sedikit, iaitu 11 ataupun 7.4 responden. Kawasan Parlimen Peringat juga menyaksikan 23 ataupun 15.3 peratus berbanding 15 ataupun 10.1 peratus pada 1999.

Jadual 7.16 - Tahap Penyertaan Responden Dalam Politik

Tahap Penyertaan	1995		1999	
	Pengkalan Chepa Jum (%)	Peringat Jum (%)	Pengkalan Chepa Jum (%)	Peringat Jum (%)
Sangat Aktif	13 (8.7)	6 (4.0)	1 (0.7)	3 (2.0)
Aktif	32 (21.5)	23 (15.3)	11 (7.4)	15 (10.1)
Sederhana Aktif	41 (27.5)	55 (36.7)	48 (32.2)	42 (28.2)
Tidak Aktif	63 (42.0)	66 (44.0)	89 (59.3)	89 (59.3)
Jumlah	149 (100)	150 (100)	149 (100)	149 (100)

Nota : Jumlah Responden Tidak Jawab Soalan

1995 – 1 (Pengkalan Chepa)

1999 - 1 (Pengkalan Chepa) dan 1 (Peringat).

Bagaimanapun, responden yang sederhana aktif menunjukkan jumlah yang membanggakan apabila 55 ataupun 36.7 peratus responden pada 1995 dalam kawasan Parlimen Peringat berbanding 42 ataupun 28.2 peratus pada 1999 di kawasan yang sama. Jumlah yang memberangsangkan itu juga dapat dilihat di kawasan Parlimen Pengkalan Chepa apabila 41 ataupun 27.5 peratus pada 1995 dan 1999 mencatatkan penambahan tujuh responden menjadi 48 ataupun 32.2 peratus bagi kawasan Parlimen Pengkalan Chepa. Dalam soalan ini, pengkaji mendapati perangkaan tidak aktif lebih banyak dan ini dibuktikan dengan 89 ataupun 59.3 peratus

daripada responden memberi jawapan itu pada 1999 di kawasan Parlimen Pengkalan Chepa berbanding kajian pertama 63 ataupun 42.0 peratus pada 1995 di kawasan yang sama. Tahap tidak aktif mereka dalam politik juga dilihat pada kawasan Parlimen Peringat apabila 66 ataupun 44.0 peratus daripada responden pada 1995 berbanding 89 ataupun 59.3 peratus pada 1999 bagi kawasan Parlimen itu.

Dalam kajian ini juga pengkaji juga ingin mengetahui daripada responden mengenai kepercayaan mereka kepada pemimpin. Lihat Lampiran 7.9, sikap percaya kepada pemimpin perlu sama ada responden ini menyokong parti memerintah iaitu BN ataupun parti pembangkang lain seperti PAS, Keadilan, DAP, AKIM dan Bebas. Responden memberi jawapan bahawa mereka memang percaya kepada pemimpin dengan 102 ataupun 68.0 peratus responden dicatatkan dalam di Parlimen Peringat, berbanding 86 ataupun 58.9 peratus responden pada 1999 di kawasan Parlimen itu. Pada 1995, di kawasan Parlimen Pengkalan Chepa, 81 ataupun 54.4 peratus responden percaya kepada pemimpin mereka sama ada mereka penyokong UMNO mahupun PAS berbanding 60 ataupun 40.0 peratus pada 1999 di Parlimen itu.

Bagaimanapun, jumlah responden yang tidak percaya kepada pemimpin mereka amat sedikit apabila mencatatkan 29 ataupun 19.7 peratus pada kawasan Parlimen Pengkalan Chepa pada 1999, berbanding 16 ataupun 0.7 peratus daripada responden di kawasan Parlimen Pengkalan Chepa pada 1995. Jumlah kecil juga dapat dilihat pada kawasan Parlimen Peringat pada 1995 apabila mencatatkan 9 ataupun 6.0 peratus responden dan 15 ataupun 10.3 peratus responden pada 1999 di kawasan Parlimen yang sama.

Jadual 7.17 – Sejauh mana Politik Malaysia Mempunyai Kepentingan Diri

Pandangan	1995		1999	
	Pengkalan Chepa Jum (%)	Peringat Jum (%)	Pengkalan Chepa Jum (%)	Peringat Jum (%)
Setuju	98 (65.3)	80 (53.3)	92 (61.7)	91 (61.5)
Tidak Setuju	28 (18.7)	41 (27.3)	28 (18.8)	35 (23.6)
Tidak Pasti	24 (16.0)	29 (19.3)	29 (19.5)	22 (14.9)
Jumlah	150 (100)	150 (100)	149 (100)	148 (100)

Nota : Jumlah Responden Tidak Jawab Soalan 1995 – 1 (Pengkalan Chepa) / 1999 - 2 (Peringat).

Bidang politik di negara ini digambarkan sebagai suatu landasan pihak tertentu untuk mengaut keuntungan. Ini memandangkan mereka yang terbabit dalam arena ini akan diberi

peluang apabila parti yang disertai mereka menang dalam pilihan raya. Oleh itu, pengkaji mengemukakan soalan sama ada responden setuju atau tidak tentang senario politik Malaysia berkepentingan diri ataupun sebaliknya. Kebanyakan mereka setuju apabila dikemukakan soalan itu dengan 98 ataupun 65.3 peratus responden setuju dengan persoalan yang ditimbulkan itu di Pengkalan Chepa pada 1995 dan diikuti 92 ataupun 61.7 peratus responden di kawasan yang sama Pengkalan Chepa pada 1999. Angka lain ialah 80 ataupun 53.3 peratus responden pada 1995 dan 91 ataupun 61.5 peratus responden pada 1999 di kawasan Parlimen Peringat. Jadual 6.28 di atas turut menunjukkan 28 hingga 41 responden menyatakan "tidak setuju" dengan persoalan itu dikemukakan kepada mereka. Jawapan "tidak pasti" juga menunjukkan jumlah yang sama dengan "tidak setuju" apabila mencatatkan 29 hingga 22 responden memberi jawapan itu.

Keadaan itu menyebabkan UMNO yang menjadi parti tunggak dalam komponen BN memperkenalkan Jawatankuasa Disiplin UMNO untuk menangani masalah politik wang yang ada hubung kait dengan soalan di atas. Ini kerana kebanyakan pemimpin UMNO diakui meletakkan kepentingan diri di hadapan berbanding kepentingan rakyat yang diwakili mereka.

Masyarakat Kelantan mempunyai corak pemikiran yang unik sehingga mampu menukar kerajaan di negeri ini, terutama selepas tiga penggal sesebuah parti memegang tumpuk pemerintahan.⁴ Ini menyebabkan pengkaji tertarik untuk mengemukakan persoalan ini bagi melihat sama ada suasana politik Kelantan yang sering bergolak dan bergelora disebabkan oleh hasad dengki golongan tertentu, sama ada isu campur tangan pihak istana dan kerajaan Pusat mahupun isu dalaman kerajaan negeri sendiri.

Oleh itu, pengkaji mendapati pandangan politik di negara ini adalah untuk kepentingan diri ataupun kumpulan tertentu mendapat jawapan yang memberangsangkan apabila 98 ataupun 65.3 peratus daripada responden bersetuju dengan pandangan itu apabila dikemukakan kepada mereka di Pengkalan Chepa berdasarkan pilihan raya 1995. Jawapan yang sama dapat dilihat pada 1995 di Parlimen Peringat apabila 80 ataupun 53.3 peratus turut bersetuju dengan pandangan itu. Kajian ini juga mendapati jumlah responden yang "tidak setuju" dan "tidak pasti" apabila dikemukakan soalan ini menunjukkan berlaku persamaan apabila mencatatkan 41 responden yang tertinggi hingga 22 responden memberi kedua-dua jawapan itu.

⁴ Temubual dengan Razak Abdul Ghani.

Ini jelas mereka menyokong kenyataan bahawa politik di Malaysia penuh dengan kepentingan diri menyebabkan semua pihak suka terbabit dalam bidang politik.

7.1.4 – Kefahaman Responden Tentang Pilihan Raya.

Setiap pilihan raya mesti mempunyai kempen untuk memperkenalkan calon yang dikehendaki mewakili rakyat di sesebuah kawasan. Kempen pilihan raya ini mempunyai pelbagai cara dalam usaha memenangi hati rakyat supaya menyokong mereka ketika membuang undi pada hari pembuangan undi. Pengkaji juga melengkapkan kajian ini dengan elemen berkenaan walaupun kajian ini bukan menumpukan kepada teknik kempen sebaliknya melihat bagaimana peranan media massa dalam membuat perubahan minda di kalangan pengundi di Kelantan.

Oleh itu dalam kajian ini, responden ditanya sama ada mereka setuju atau tidak dengan teknik berkempen seperti memberi masa kepada kesemua parti berkempen dalam tempoh tertentu atau membiarkan semua parti menggunakan jentera parti bagi menerangkan kedudukan parti mereka sebelum hari pembuangan

undi walaupun kajian ini tidak mementingkan sangat teknik kempen di Kelantan dalam pilihan raya umum 1995 dan 1999.

Jadual 7.18 – Sejauh manakah Responden Setuju Dengan Teknik Berkempen Dalam Pilihan raya Umum Sekarang

Pandangan	1995		1999	
	Pengkalan Chepa Jum(%)	Peringat Jum(%)	Pengkalan Chepa Jum(%)	Peringat Jum(%)
Setuju	88 (61.1)	91 (61.9)	89 (62.7)	99 (69.7)
Tidak Setuju	38 (26.4)	37 (25.2)	36 (25.4)	29 (20.4)
Tidak Pasti	18 (12.5)	19 (12.9)	17(12.0)	14 (9.9)
Jumlah	144(100)	147(100)	142(100)	142(100)

Nota : Jumlah Responden Tidak Jawab Soalan
1995 – 6 (Pengkalan Chepa) dan 3 (Peringat)
1999 – 8(Pengkalan Chepa) dan 8 (Peringat).

Dalam hal ini, responden sepakat mengatakan mereka setuju dengan kempen yang dijalankan di Malaysia apabila 91 ataupun 61.9 peratus responden bersetuju pada 1995 di Parlimen Peringat dan 99 ataupun 69.7 peratus pada 1999 di kawasan itu. Responden yang tidak setuju mencatatkan 38 ataupun 26.4 peratus pada 1995 di Parlimen Pengkalan Chepa berbanding 36 ataupun 25.4 peratus di kawasan pada 1999. Jumlah mereka yang tidak pasti antara 14 hingga 19 responden sahaja.

Pengkaji sebelum ini menjelaskan dalam bahagian pertama hasil penyelidikan bahawa media massa memainkan peranan penting seperti statistik yang dipaparkan menerusi Jadual 7.7. Persoalannya, responden membaca akhbar dan mengakui peranan akhbar itu penting tetapi kenapa mereka tidak terpengaruh dengan paparan berita dan rencana dalam akhbar itu.

Apa yang jelas menerusi kajian ini, jumlah responden memberi jawapan "ya" bahawa akhbar mempengaruhi mereka adalah amat sedikit berbanding jawapan "tidak". Lihat Jadual 7.19 di bawah.

Jadual 7.19 - Sejauhmana Akhbar Mempengaruhi Pengundi

Pandangan	1995		1999	
	Pengkalan Chepa Jum (%)	Peringat Jum (%)	Pengkalan Chepa Jum (%)	Peringat Jum (%)
Ya	37 (24.7)	31 (20.7)	24 (16.0)	30 (20.1)
Tidak	104 (69.3)	116 (77.3)	108 (72.0)	108 (72.0)
Jumlah	141 (100)	147 (100)	132 (100)	138 (100)

Nota : Jumlah Responden Tidak Jawab Soalan
1995 – 9 (Pengkalan Chepa) dan 3 (Peringat)
1999 – 18 (Pengkalan Chepa) dan 12 (Peringat).

Jawapan "tidak" mencecah 104 ataupun 69.3 peratus responden pada 1995 dan 116 ataupun 77.3 peratus di Parlimen Peringat berbanding 108 ataupun 72 peratus di dua kawasan Parlimen itu pada 1999. Responden memberi jawapan "ya" kepada soalan itu ialah 37 ataupun 24.7 peratus di Parlimen Pengkalan Chepa dan kawasan Peringat mencatatkan 31 ataupun 20.7 peratus responden pada 1995, berbanding dengan 24 ataupun 16.0 peratus responden pada 1999 di Pengkalan Chepa dan 30 ataupun 20 peratus dicatatkan di kawasan Parlimen Peringat. Kedua-dua perbandingan jawapan itu membuktikan responden secara keseluruhannya membaca akhbar *Berita Harian* dan *Utusan Malaysia* tetapi isi kandungan berita tidak mempengaruhi mereka ketika memilih kerajaan dalam pilihan raya 1995 dan 1999 menjawab sekali lagi persoalan kedua kajian ini yang menyatakan *Berita Harian* dan *Utusan Malaysia* masih gagal mempengaruhi minda rakyat Kelantan supaya menyokong BN ataupun khususnya UMNO dalam pilihan umum 1995 dan 1999.

Serentak dengan itu, apabila lebih daripada 30 responden memberi jawapan "ya" bahawa isi kandungan akhbar mempengaruhi mereka ketika mengundi menyebabkan pengkaji ingin mengetahui

jenis bahan berita yang bagaimana mendapat perhatian mereka sehingga berjaya mempengaruhi minda responden ketika membuang undi dalam pilihan raya. Empat jawapan disediakan bagi soalan ini, iaitu berita positif dan negatif BN serta berita positif dan negatif PAS. Berita tentang parti lain terutama KEADILAN tidak dirujuk dalam kajian ini kerana pengaruh KEADILAN hanya dilihat dalam pilihan raya 1999 tidak pada 1995 dalam kajian ini. Faktor itu dibantu dengan kurangnya pengaruh KEADILAN di Kelantan berbanding PAS. Oleh itu, kita boleh lihat pertarungan di Kelantan lebih kepada pertentangan antara PAS dan BN. Ini berdasarkan hanya dua DUN dan dua kawasan Parlimen yang diberikan kepada KEADILAN untuk ditandingi dalam pilihan raya 1999.

Jadual 7.20 – Jenis Berita Mempengaruhi Pengundian Pengundi (Sekiranya Jawapan “ya” Bagi Kajian Di Atas)

Jenis Berita	1995		1999	
	Pengkalan Chepa Jum (%)	Peringat Jum (%)	Pengkalan Chepa Jum (%)	Peringat Jum (%)
Positif BN	22 (14.7)	26 (17.3)	13 (8.7)	27 (18.0)
Negatif BN	2 (1.3)	2 (1.3)	4 (2.7)	2 (1.3)
Positif Pas	21 (14.0)	11 (7.3)	14 (9.3)	5 (3.3)
Negatif Pas	—	—	3 (2.0)	2 (1.3)
Jumlah	45 (100)	39 (100)	34 (100)	36 (100)

Nota: Soalan ini dijawab oleh responden yang memberi jawapan "YA" sahaja (Rujuk Jadual 6.29)

Kebanyakan responden memberi jawapan, berita yang mempengaruhi mereka ialah berita yang positif membabitkan kedua-dua pihak, iaitu BN dan PAS. Jumlah itu dapat dilihat di kawasan Parlimen Pengkalan Chepa pada 1995 apabila 22 ataupun 14.7 peratus responden memberi jawapan positif BN dan 21 ataupun 14 peratus memberi jawapan berita positif PAS dalam kawasan yang sama. Bagaimanapun, berita negatif PAS dan BN tidak mendapat sambutan apabila hanya dua hingga empat responden menyatakan berita yang membawa imej negatif BN mempengaruhinya dalam pengundian. Perkara yang sama berlaku pada jawapan negatif PAS apabila wujud responden enggan memberi jawapan dan jawapan yang diberikan ialah antara dua hingga tiga responden mengaku berita negatif PAS mempengaruhi mereka. Ini menunjukkan kedua-dua penyokong PAS dan BN tidak suka berita negatif mereka dipaparkan di dada akhbar.

Walaupun mereka menyatakan akhbar tidak mempengaruhi mereka dalam pengundian tetapi responden di Kelantan tetap mendapat maklumat daripada media massa terutama akhbar *Berita Harian* dan *Utusan Malaysia*. Bagaimanapun, jawapan kajian

lapangan (suvey) mendapati isi kandungan akhbar tidak mempengaruhi mereka seperti statistik di dalam Jadual 7.19 di atas.

Kedua-dua akhbar kajian, *Berita Harian* dan *Utusan Malaysia* yang meletakkan matlamat dan sasaran supaya pengundi di Kelantan melakukan perubahan minda dengan apa yang dipaparkan. Bagaimanapun, faktor pengundi senyap yang mahukan perubahan menerusi *Theory Spirial of Silence* menyebabkan media massa tidak mampu mengubah pendirian rakyat Kelantan.

Hasil penyelidikan itu membolehkan pengkaji mencadangkan method yang sesuai dengan naluri rakyat Kelantan dalam proses demokrasi dan pilihan raya di Kelantan ialah menggunakan konsep kempen bersemuka dan beberapa kaedah sampingan lain termasuk kempen rumah ke rumah serta ceramah dan bukan menerusi akhbar seperti yang dinyatakan dalam beberapa siri penemuan fakta itu menerusi Jadual 7.21 dan 7.22 yang menunjukkan ceramah dan kempen dari rumah ke rumah dalam pilihan raya begitu popular di kalangan responden berbanding kaedah lain sekali gus menjawab persoalan kajian keempat iaitu untuk melihat kaedah kempen yang mempengaruhi pengundi di Kelantan walaupun *Berita Harian* dan *Utusan Malaysia* yang cuba dalam membantu kerajaan menyuntik

ideologi politik BN di samping menjalankan tanggungjawab sosial serta menjadi agen pembangunan minda.

Persoalan kajian keempat terjawab dengan sokongan data apabila 106 ataupun peratus pada 1995 di kawasan Parlimen Pengkalan Chepa dan jumlah yang hampir sama pada 1999 di kawasan Parlimen itu mengatakan kaedah ceramah memang digemari pengundi di Kelantan. Jumlah 117 ataupun 79.1 peratus responden menyatakan kaedah yang sama dalam 1995 di Parlimen Peringat dan 107 ataupun 73.3 peratus di kawasan parlimen itu pada 1999.

Bagaimanapun, kempen dari rumah ke rumah turut mendapat perhatian tetapi agak tidak digemari oleh pengundi apabila 34 ataupun 23.1 peratus pada 1995 di kawasan Parlimen Pengkalan Chepa dan 23 ataupun 15.9 peratus pada 1999. Bagi kawasan Parlimen Peringat, jumlah agak sama iaitu 21 ataupun 14.2 peratus dan 28 ataupun 19.2 peratus.

Jadual 7.21 - Kaedah Berkempen Mempengaruhi Pengundi

Kaedah Kempen	1995		1999	
	Pengkalan Chepa Jum (%)	Peringat Jum(%)	Pengkalan Chepa Jum (%)	Peringat Jum(%)
Ceramah	106 (72.1)	117 (79.1)	109 (75.2)	107 (73.3)
Kempen rumah	34 (23.1)	21 (14.2)	23 (15.9)	28 (19.2)
Poster	2 (1.4)	6 (4.1)	2 (1.4)	3 (2.1)
Bersyarah di kedai kopitiam	3 (2.0)	1 (0.7)	5 (3.4)	1 (0.7)
Lain-lain	2 (1.4)	3 (2.0)	6 (4.1)	7 (4.8)
Jumlah	147 (100)	148 (100)	145 (100)	146 (100)

Nota : Jumlah Responden Tidak Jawab Soalan
1995 – 3 (Pengkalan Chepa) dan 2 (Peringat)
1999 – 5 (Pengkalan Chepa) dan 4 (Peringat).

Keadaan itu jelas kaedah ceramah mendapat tumpuan walaupun responden mempunyai alternatif kaedah lain seperti kempen dari rumah ke rumah. Budaya ceramah sudah sebatas di kalangan pengundi menyebabkan kaedah itu paling digemari dan kaedah kempen rumah ke rumah selalunya hanya dilakukan di saat akhir hari pengundian menyebabkan kaedah itu diklasifikasikan sebagai kaedah kedua paling digemari. Berdasarkan fakta itu, pengkaji mengemukakan persoalan sama ada mereka setuju atau tidak kempen dari rumah ke rumah secara lebih terperinci. Lihat Jadual 7.22 di bawah.

Ini berikutan fakta dan penemuan menunjukkan secara relatifnya, responden bersetuju dengan kaedah kempen pilihan raya di negeri ini walaupun mereka sering didekah dengan maklumat tentang pilihan raya menerusi media cetak dan elektronik. Bagi mereka, kaedah kempen ini sesuai. Ini jelas apabila 90 ataupun 60 peratus responden di kawasan Pengkalan Chepa pada 1995 berbanding 74 ataupun 49.3 peratus responden pada 1999 memberi jawapan "setuju". Responden di kawasan Parlimen Peringat mencatatkan jumlah 93 ataupun 62.0 peratus pada 1995 berbanding 83 ataupun 55.3 peratus di kawasan yang sama.

Jadual 7.22 - Sejauh mana Responden Bersetuju Dengan Kempen Dari Rumah Ke Rumah

Pandangan	1995		1999	
	Pengkalan Chepa Jum (%)	Peringat Jum (%)	Pengkalan Chepa Jum (%)	Peringat Jum (%)
Setuju	90 (60.0)	93 (62.0)	74 (49.3)	83 (55.3)
Tidak Setuju	39 (26.0)	40 (26.7)	60 (40.0)	49 (32.7)
Tidak Pasti	16 (10.7)	17 (11.3)	14 (9.3)	17 (11.3)
Jumlah	145 (100)	150 (100)	148 (100)	149 (100)

Nota : Jumlah Responden Tidak Jawab Soalan
 1995 – 5 (Pengkalan Chepa)
 1999 – 2 (Pengkalan Chepa) dan 1 (Peringat).

Jawapan "tidak setuju" agak tinggi pada 1999 di kawasan Parlimen Pengkalan Chepa apabila 60 ataupun 40.0 peratus berbanding 39 ataupun 26.0 peratus pada 1995 di kawasan yang sama. Bagi kawasan Peringat menunjukkan 49 ataupun 32.7 peratus pada 1999 berbanding 40 ataupun 26.7 peratus responden pada 1995 memberi jawapan "tidak setuju". Jawapan tidak pasti juga diberikan oleh responden dalam permasalahan ini dengan jumlah responden memberi jawapan antara 14 hingga 17 responden dalam kajian ini.

Semua jawapan ini menjelaskan responden secara keseluruhannya bersetuju konsep komunikasi bersemuka walaupun mereka pada masa yang sama merasa meluat dengan kaedah itu apabila jawapan tidak setuju diberikan oleh sesetengah responden.

Oleh itu, setiap kali pilihan raya calon mahupun parti mesti mengambil hati rakyat supaya menerima mereka sebagai pemimpin di kawasan yang ditandingi masing-masing. Kaedah calon bersemuka memang mendapat tempat di kalangan responden apabila mereka menyatakan setuju dengan kaedah berkenaan walaupun media massa terutama akhbar *Berita Harian* dan *Utusan Malaysia* sedia

menjalankan tanggungjawab menjadi orang tengah dengan pemimpin yang bertanding dalam pilihan raya. Seramai 124 ataupun 85.5 peratus responden di Parlimen Pengkalan Chepa pada 1995 dan 111 ataupun 75.5 peratus pada 1999 yakin dengan kaedah itu. Responden kawasan Parlimen Peringat juga memberi jawapan yang sama dengan 114 ataupun 76 peratus responden pada 1995 dan 118 ataupun 79.7 peratus responden pada 1999. Jawapan "setuju" itu membuktikan kaedah saluran bersemuka membabitkan seorang atau lebih khalayak berinteraksi mampu menyampaikan maklumat sehingga ke akar umbi.

Jawapan "tidak setuju" agak sedikit apabila kawasan Parlimen Pengkalan Chepa mencatatkan 7 ataupun 4.8 peratus pada 1995, diikuti 18 ataupun 12.2 peratus responden pada 1999. Jumlah yang sama dapat dilihat di Parlimen Peringat apabila mencatatkan angka yang sama dalam dua tahun kajian berkenaan. Responden yang memberi jawapan "tidak pasti" agak kurang apabila 14 ataupun 9.7 peratus dicatatkan pada 1995 di kawasan Parlimen Pengkalan Chepa berbanding 18 ataupun 12.2 peratus di kawasan yang sama pada 1999. Kawasan Parlimen Peringat, 18 ataupun 12.2 peratus responden memberi jawapan itu dan 12 ataupun 8.1 peratus pada 1999.

Selepas mengenal pasti kaedah bersemuka sebagai kaedah alternatif dalam kempen dan disukai, pengkaji cuba mendapat fakta tentang pilihan responden ketika membuang undi, sama ada pilihan itu membabitkan calon, parti dan lain-lain. Lampiran 10 menunjukkan responden lebih cenderung memilih "parti" dan "calon". Jawapan "parti" mencatatkan jumlah paling tinggi tidak jauh berbeza dengan "calon". Ia jelas apabila kawasan Parlimen Pengkalan Chepa pada 1999, jumlah yang dicatatkan bagi jawapan "calon" ialah 64 ataupun 43.8 peratus responden berbanding 66 ataupun 45.2 peratus responden bagi jawapan "parti". Bagi kawasan Parlimen Pengkalan Chepa responden memberi jawapan "parti" ialah 88 ataupun 59.1 peratus pada 1995 berbanding 66 ataupun 45.2 peratus responden pada 1999. Responden memberi jawapan yang sama ialah di kawasan Parlimen Peringat pada 1999 mencecah hingga 84 ataupun 57.1 peratus pada 1999 dan 88 ataupun 59.9 peratus responden pada 1995.

Jawapan "calon" tidak ketara perbezaannya apabila di kawasan Parlimen Peringat mencatatkan 56 ataupun 38.1 peratus responden pada 1995 berbanding 54 ataupun 36.7 peratus responden pada 1999. Pengkaji juga memberi pilihan kepada responden supaya

memilih jawapan "lain-lain" tetapi jawapan tidak memberangsangkan termasuk responden tidak langsung mengisi jawapan bagi soalan ini yang diklasifikasikan sebagai tidak menjawab soalan yang mencatatkan antara 2 hingga 15 responden. Soal calon menjadi topik perbualan hangat di kalangan pemimpin politik sama ada BN mahupun PAS setiap kali pilihan raya di Kelantan. Ini kerana calon yang tidak sesuai dan tidak disukai penduduk setempat akan tewas kerana faktor calon memainkan peranan penting dalam senario politik di Kelantan. Malahan, setiap kali penamaan calon dibuat oleh mana-mana parti politik sudah menjadi kebiasaan puak-puak tertentu dalam parti politik itu tidak setuju dengan calon dan berpaling tадah untuk menentang calon berkenaan kerana ia tidak secocok dengan sejiwa dengan masyarakat setempat yang menjadi pengundi.

Memandang pentingnya faktor calon menyebabkan pengkaji mengemukakan soalan apakah ciri calon yang paling diminati responden di Kelantan sebagai salah satu usaha melihat sejauh manakah faktor calon membantu sesebuah parti memenangi dalam pilihan raya umum. Berdasarkan Lampiran 11 jawapan yang diberikan ialah calon mestil kuat beragama. Dalam konteks kajian ini, mereka adalah orang yang arif, mengamal dan memahami mengenai agama Islam. Ini dapat dilihat apabila 91 ataupun 60.7 peratus responden

memberi jawapan itu pada 1995 di Parlimen Pengkalan Chepa dan 101 ataupun 67.3 peratus pada 1999. Jumlah yang tinggi juga didapati di kawasan Parlimen Peringat apabila 81 ataupun 54 peratus pada 1995 dan 93 ataupun 62 peratus responden pada 1999. Kedua terbanyak ialah "berbudi pekerti" apabila kawasan Parlimen Peringat pada 1995 mencatatkan 49 ataupun 32.7 peratus pada 1995 berbanding 34 ataupun 22.7 peratus pada 1999. Di Parlimen Pengkalan Chepa, jawapan "budi perkerti" juga mencatatkan 44 ataupun 29.3 peratus pada 1995 dan 29 ataupun 19.3 peratus responden pada 1999.

Jawapan "tokoh korporat" dan "berharta" tidak mendapat sambutan di kalangan responden apabila hanya satu ataupun 0.7 peratus dicatatkan pada 1995 di kawasan Parlimen Peringat dan 3 ataupun 2.0 peratus responden pada 1999. Paling tinggi angka bagi jawapan itu ialah 10 ataupun 6.7 peratus responden bagi jawapan tokoh korporat di kawasan Parlimen Peringat pada 1995.

Kesemua jawapan responden di atas menunjukkan rakyat Kelantan memang suka kepada calon mempunyai pendidikan agama, berbanding mereka berharta mahupun tokoh korporat. Faktor itu mungkin dibantu dengan sifat semula jadi rakyat Kelantan yang

menjadi responden dalam kajian ini yang digambarkan sebagai rakyat kuat berpegang teguh kepada agama Islam sehingga Kelantan diberi nama jolokan negeri Serambi Mekah.

Dalam kajian ini, pengkaji turut mengemukakan soalan tentang kekerapan responden yang membuang undi dalam usaha melihat sejauh mana responden serius tentang proses pengundian yang menjadi tanggungjawab setiap rakyat di negara ini selepas mereka memilih calon dan parti.

Oleh itu, pengkaji dapat melihat jawapan responden menjawab sekurang-kurangnya sekali sehingga 3 kali mereka membuang undi. Ini kerana responden yang dikaji ialah berusia pertengahan tahun. Jawapan bagi 6 kali paling tinggi apabila mencatatkan 40 ataupun 26.7 peratus responden pada 1995 bagi kawasan Parliment Pengkalan Chepa berbanding 34 ataupun 22.7 peratus di kawasan Parliment Peringat. Kawasan Parliment Pengkalan Chepa mencatatkan jumlah 35 ataupun 23.3 peratus pada 1999 dan 34 ataupun 22.7 peratus responden pada 1999 di Peringat. Jawapan lain ialah dua dan satu kali responden mengundi antara 18 hingga 26 responden memberi jawapan itu. Secara kesimpulannya, mereka mengundi dan terdapat

responden mengundi enam kali dalam hayatnya, tetapi jumlah amat kecil. Lihat Lampiran 7.12.

Kemenangan dalam pilihan raya, seterusnya dapat memerintah sesebuah negara menjadi harapan setiap pemimpin dalam sesebuah parti yang bertanding.. Bagi merealisasikan harapan itu, pelbagai taktik digunakan terutama dalam tempoh berkempen ditetapkan oleh SPR. BN sebagai parti memerintah dikaitkan isu kerap mengubah sempadan kawasan pilihan raya supaya mudah memenangi kawasan berdasarkan kajian lokasi penyokong mereka dalam setiap pilihan raya umum. Lihat Lampiran 13.

Jawapan kepada isu mendapati responden yang setuju sederhana apabila lebih 80 daripada 150 responden memberi jawapan setuju dengan soalan tersebut. Kawasan Parlimen Pengkalan Chepa memperlihatkan 89 ataupun 59.3 peratus mengatakan "setuju" pada 1995 dan 1999 mencatatkan 87 ataupun 58.0 peratus. Bagi Parlimen Peringat jumlahnya agak sedikit apabila 57 ataupun 38.0 peratus berbanding 82 ataupun 54.7 peratus pada 1999.

Jumlah responden yang menyatakan "tidak setuju" di kawasan Parlimen Pengkalan Chepa ialah 34 ataupun 22.7 peratus berbanding

24 ataupun 16.0 peratus pada 1999. Bagaimanapun, kawasan Parlimen Peringat menyaksikan jumlah responden tidak setuju dengan pandangan itu meningkat sehingga 56 ataupun 37.3 peratus pada 1995 dan 30 ataupun 20 peratus responden pada 1999. Jawapan tidak pasti, jumlah agak rendah antara 21 hingga 37 responden sahaja.

Semua fakta ini dimasukkan dalam kajian ini kerana pengkaji mendapati selepas pilihan raya, parti yang kalah, terutama pembangkang akan mengatakan pihak lawan menggunakan taktik pengundi hantu memastikan kemenangan. Dakwaan itu dibuat oleh PAS, DAP dan KEADILAN. Dengan demikian statistik ini sebagai pelengkap kepada penemuan kajian ini. Lihat Lampiran 7.14.

Keputusan yang diperolehi ialah sebahagian responden mempercayai pengundi hantu disediakan oleh BN ketika pilihan raya walaupun SPR dan pemimpin BN menolak kemungkinan mereka menggunakan pengundi hantu. Ini dapat dilihat daripada segi jumlah responden memberi jawapan percaya pengundi hantu memang digunakan dalam pilihan raya umum apabila 81 ataupun 54.4 responden memberi jawapan itu di kawasan Parlimen Pengkalan Chepa pada 1995 dan 60 ataupun 40.0 peratus pada 1999. Jumlah itu meningkat pada 1995 di kawasan Parlimen Peringat apabila 102

ataupun 68.0 peratus berbanding 86 ataupun 58.9 peratus responden pada 1999.

Jumlah responden tidak percaya agak kecil jumlahnya apabila mencatatkan antara 9 hingga 29 sahaja responden memberi jawapan itu. Jawapan tidak pasti di Parlimen Pengkalan Chepa mencapai sehingga 52 ataupun 34.9 peratus responden pada 1995 dan 58 ataupun 39.5 peratus pada 1999. Parlimen Peringat juga menunjukkan jumlah yang sederhana apabila 39 ataupun 26.0 peratus responden pada 1995 dan 45 ataupun 30.8 peratus pada 1999. Kesimpulannya, responden di Kelantan masih percaya konsep pengundi hantu (*phantom voters*) memang wujud dalam usaha sesebuah parti untuk memenangi pilihan raya dalam simple majoriti.

7.2 KESIMPULAN.

Hasil penyelidikan kajian lapangan (survey) mendapat media massa menjadi bahan rujukan kepada responden ataupun pengundi di Kelantan. Mereka membaca surat khabar *Berita Harian* dan *Utusan Malaysia* mahupun *Harakah* tetapi mereka membuat perbandingan isu yang dipaparkan dalam suratkhabar itu dengan isu yang disuarakan menerusi penceramah-penceramah di pentas ceramah parti politik dan majlis usrah serta tazkirah dan beberapa majlis politik lain.

Mereka juga sering merujuk semula isu itu dengan pemimpin mereka sama ada di peringkat kampung sehingga ke peringkat atasan untuk mendapat jawapan sebenar sebelum mereka menyebarkan jawapan itu kepada penduduk di sekitar kampung masing-masing.

Persoalannya di sini, mereka kerap membuat perbandingan jawapan ini tentang isu tertentu daripada pemimpin dalam ceramah dengan media massa. Hasilnya, responden tidak menerima bulat-bulat apa yang dipaparkan oleh media massa terutama *Berita Harian* dan *Utusan Malaysia* walaupun mereka membaca akhbar setiap hari seperti yang dinyatakan dalam Jadual 7.1. Kebanyakan berita itu menyebelahi BN, seperti yang dinyatakan dalam Jadual 7.8 tetapi tidak membantu BN memenangi pilihan raya umum di Kelantan sedangkan pada masa yang sama pemimpin parti pembangkang dalam PAS, DAP, PRM dan KEADILAN kurang diberi tempat dalam *Berita Harian* dan *Utusan Malaysia* walaupun kajian mendapati mereka memang hendak menggunakan media cetak sebagai saluran berkomunikasi dengan khalayak bagi menerangkan manifesto masing-masing.

Semua ini dapat dilihat dengan jelas dalam Jadual 7.12 yang menggambarkan liputan berita tidak seimbang serta tidak adil, tetapi hakikat itu tetap diterima oleh responden di Kelantan apabila

sebahagian besar mereka bersetuju dengan keadaan itu. Mereka juga memberi jawapan bahawa kedua-dua akhbar kajian *Berita Harian* dan *Utusan Malaysia* memainkan peranan menyiaran lebih banyak berita positif BN berbanding parti pembangkang.

Tidak cukup dengan itu, responden juga menjelaskan apa-apapun berita yang disiarkan tidak mempengaruhi mereka dalam aspek pengundian seperti yang dinyatakan dalam Jadual 6.19. Oleh itu mereka lebih suka mendengar ceramah dan menganalisis pandangan pemimpin politik parti yang disokong mereka. Ini selaras dengan hasil penyelidikan menerusi kajian soal selidik yang menyatakan bahawa kaedah bersemuka dan ceramah mengatasi kaedah media massa. Ini menunjukkan media massa kurang berperanan terhadap khalayak mereka walaupun para sarjana seperti Marshall McLuhan juga mengatakan 'media itu adalah mesej'; John Dewey, pensyarah Universiti Michigan dari tahun 1884 hingga 1894 menyebarluaskan pandangannya bahawa komunikasi massa adalah alat perubahan sosial.⁷

Media massa gagal membuat perubahan minda terhadap penduduk Kelantan. Mereka enggan menerima perubahan dan pembangunan kebendaan walaupun kerajaan BN menerusi UMNO

Kelantan cuba mendapat undi mereka dengan menjanjikan pembangunan seimbang dalam aspek ekonomi, sosial, agama dan sahsiah masyarakat. Apapun janji dan saranan yang dikemukakan, mereka tetap dengan keputusan memberi undi kepada PAS sehingga membolehkan parti itu memegang tumpuk pemerintahan sehingga tiga penggal bermula pada tahun 1990 – 1995 bagi penggal pertama, 1995 – 1999 bagi penggal kedua dan 1999 hingga 2004 bagi penggal ketiga.

Secara keseluruhannya penduduk Kelantan memang mempunyai fahaman politik yang tersendiri. Mereka menolak peranan media massa sebagai saluran komunikasi yang boleh mengubah corak hidup mereka, walaupun media massa mempunyai kuasa tertentu mempengaruhi tingkah laku, memberi impak sosial dan mencanai pemikiran seseorang. Pemikiran sebegini menyebabkan apa sahaja yang disalurkan menerusi media massa dalam kajian ini membabitkan akhbar *Berita Harian* dan *Utusan Malaysia* dianggap sebagai berat sebelah dan semata-mata cuba menimbulkan kekeliruan kepada mereka.

Ini kerana pada pandangan mereka, ramai pemimpin yang disokong mereka dalam pilihan raya mengatakan sebaliknya dan

⁷ Ibid., *Teknologi Komunikasi, Media Baru Dalam Masyarakat*, hlm 88.

menuduh akhbar berbohong dan fakta yang dipaparkan sering tersasar dan kurang tepat. Kesimpulannya, mereka tidak menerima mesej menerusi akhbar *Berita Harian* dan *Utusan Malaysia* tetapi menerusi ceramah dan kempen-kempen secara bersemuka seperti dibuktikan dalam kajian ini. Ini kerana kaedah kempen seperti calon bersemuka memang digemari di kalangan pengundi kerana ia sebahagian daripada sifat semula jadi penduduk Kelantan. Apapun pengundi senyap seperti yang dikemukakan oleh Elisabeth Noelle-Neumann dalam *Theory Spiral of Silence* adalah faktor penentu kejayaan pembangkang di Kelantan.